

# PM terima resolusi Konvensyen MKK

KOTA BHARU 20 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerima resolusi Konvensyen Majlis Kemajuan Kelantan (MKK) Kali Kedua yang diserahkan oleh Pengerusi MKK, Datuk Seri Annuar Musa pada majlis penutup Perkampungan Hadhari di sini hari ini.

Pada konvensyen selama sehari yang diadakan semalam itu, sebanyak 10 resolusi dikeluarkan membabitkan empat kategori utama iaitu pembangunan infrastruktur, pembangunan wilayah koridor timur, pembangunan modal insan dan pembasmian kemiskinan.

Dalam resolusi setebal sembilan muka surat itu, konvensyen MKK mencadangkan penubuhan sebuah badan khas yang dinamakan Majlis Tindakan Pembangunan Kelantan yang dipengerusikan Perdana Menteri sendiri.

Fungsi majlis itu kelak adalah untuk menyelaraskan semua pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dijalankan di Kelantan serta memantau pembangunan negeri ini yang jauh ketinggalan dengan satu kaedah yang lebih sistematik dan berkesan.